



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN BUKIT BARU,
PETI SURAT No. 62,
75150 BUKIT BARU,
MELAKA

HEM/Dadah : 06-2325630
Fax : 06-2312326
Sukan : 06-2328276
Fax : 06-2312845
Kokurikulum : 06-2324804
Fax : 06-2312848
Pendidikan Islam : 06-2327197
Fax : 06-2332949

Rujukan Kami : JPM.SPPK.KOKU.900-1/1(15)
Tarikh : 30 JANUARI 2012
6 RABIULAWAL 1433H

**Pengetua/Guru Besar,
Sekolah-Sekolah Negeri Melaka.**

Tuan,

**PERTANDINGAN MEREKACIPTA KENDERAAN ELEKTRIK AMFIBIA PERINGKAT
PUSINGAN KELAYAKAN NEGERI 2012 DAN BENGKEL PENDEDAHAN KEPADA
ROBOTIK PERINGKAT NEGERI "1 MALAYSIA – 1 BELIA – 1 ROBOT" 2012**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa syarikat Myrobotz Enterprise dengan kerjasama Bahagian Inovasi & Pengkomersilan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan melaksanakan 2 program seperti di atas untuk murid-murid sekolah rendah dan menengah di setiap negeri. Program ini telah mendapat kelulusan daripada Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pelajaran Malaysia.

3. Sehubungan itu, Jabatan Pelajaran Melaka tiada halangan jika ada sekolah-sekolah yang ingin menyertainya. Bersama surat ini disertakan beberapa maklumat untuk tindakan pihak tuan seterusnya. Jika ada sebarang pertanyaan pihak tuan boleh hubungi di talian 017 570 6383 atau melalui email kohsengyau@myrobotz.com.my.

Kerjasama dan keprihatinan tuan sangat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KOKURIKULUM UNTUK PERPADUAN"**

Saya yang menurut perintah,

(HAJI MOHAMAD SAPIAN BIN SIRAN)
Ketua Sektor,
Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan
b.p. Pengarah Pelajaran Melaka

- s.k
1. Pengarah Pelajaran Melaka
 2. Timbalan Pengarah Pelajaran Melaka
 3. Semua Ketua Sektor
 4. Semua PPD
 5. Fail Penyelaras

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini bila berhubung)



KERTAS KONSEP

PELAKSANAAN PROGRAM

**PERTANDINGAN MEREKACIPTA
KENDERAAN ELEKTRIK AMFIBIA
2012**

Nama Program	: Pertandingan Merekacipta Kenderaan Elektrik Amfibia 2012 <i>Amphibious Electric Vehicle Competition 2012</i> - Peringkat Pusingan Kelayakkan Negeri - Peringkat Kebangsaan
Pengenalan	: <i>Amphibious Electric Vehicle Competition 2012 (AEV)</i> merupakan satu pertandingan merekacipta kenderaan elektrik yang menggunakan bateri sebagai sumber tenaga. Para peserta dikehendaki menghasilkan sebuah kenderaan elektrik yang boleh bergerak di atas permukaan darat dan permukaan air sejauh 10 meter tanpa berhenti dengan mengaplikasikan konsep sains dan teknologi yang dipelajari di dalam kelas. Pemenang akan ditentukan dengan mengikut catatan masa terpantas.
Penganjur	: Myrobotz Enterprise (001785586-H) No. 1B, Jalan USJ 21/11, 47630 UEP Subang Jaya, Selangor. Tel/Fax: 603 – 8025 1987 Emel: info@myrobotz.com.my
Anjuran Bersama	: <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) • Pusat Sains Negara (PSN)
Objektif Program	: <ul style="list-style-type: none"> • Memberi sokongan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah khususnya matapelajaran sains, rekacipta dan fizik. • Mewujudkan satu konsep "Open Hardware Platform" di mana murid-murid boleh mengembangkan kreativiti dengan mengubahsuai bentuk dan sistem tujuhan secara terbuka. • Menggilap minat murid-murid ke arah bidang kejuruteraan, sains dan teknologi. • Mencetus budaya rekacipta dan inovasi berunsurkan amfibia di peringkat sekolah. • Meningkatkan kefahaman terhadap kemahiran proses sains, kemahiran manipulatif dan konsep sains dan teknologi di kalangan murid-murid. • Memupuk semangat kerjasama dan berpasukan di kalangan murid-murid.
Kategori / Bilangan Ahli Kumpulan	: Dua (2) kategori akan dipertandingkan dan setiap pasukan terdiri daripada seorang (1) guru pengiring dan tiga (3) orang pelajar: <ul style="list-style-type: none"> • Kategori Sekolah Rendah (Darjah 1 – 6) • Kategori Sekolah Menengah (Tingkatan 1 – 6)
Yuran Penyertaan	: Setiap pasukan yang menyertai akan dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM 100.00. Bayaran ini meliputi: <ul style="list-style-type: none"> • Sarapan pagi untuk setiap pasukan. • Satu (1) set lengkap kit kenderaan elektrik amfibia.
Sasaran Pasukan	: 64 Pasukan Kategori Sekolah Rendah 64 Pasukan Kategori Sekolah Menengah

- Tarikh Pelaksanaan** : Sila rujuk lampiran.
- Tempat Pelaksanaan** : Pertandingan peringkat negeri akan dilaksanakan di sekolah yang terpilih atau dicadangkan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak penganjur.
- Dewan Terbuka (lantai akan dibasahi air).
 - Meja dan kerusi untuk pasukan-pasukan bertanding.
- Pertandingan peringkat kebangsaan akan dianjurkan di Pusat Sains Negara (PSN).
- Masa Pertandingan** : Sehari (Sabtu) dari jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang (Masa sebenar bergantung pada jumlah penyertaan)
- Sijil** : Setiap peserta akan menerima sijil penyertaan.
- Hadiah Pemenang** :
- Johan : Piala & Sijil
 - Naib Johan : Piala & Sijil
 - Ketiga : Piala & Sijil
 - Keempat : Piala & Sijil
- Syarat-syarat Pertandingan Peringkat Negeri** :
- Pertandingan peringkat negeri hanya terbuka kepada para pelajar negeri tersebut sahaja.
 - Hanya 8 pasukan yang terbaik (setiap kategori) akan mewakili negeri masing-masing untuk bertanding di peringkat kebangsaan pada bulan September 2012.

Jadual Pertandingan Pusingan Kelayakan Peringkat Negeri Tahun 2012

Pertandingan Merekacipta Kenderaan Elektrik Amfibia 2012

No	Bulan	Tarikh	Program	Negeri/Wilayah
1	Mac	3	AEV Qualifying	Selangor, WP. Kuala Lumpur WP. Putrajaya
2		10	AEV Qualifying	N.Sembilan
3		17	AEV Qualifying	Melaka
4		24	AEV Qualifying	Johor
5		31	AEV Qualifying	Perak
6	April	7	AEV Qualifying	Kedah
7		14	AEV Qualifying	Kelantan
8		21	AEV Qualifying	Perlis
9		28	AEV Qualifying	P.Pinang
10	Mei	12	AEV Qualifying	Terengganu
11		19	AEV Qualifying	Sabah WP. Labuan
12		26	AEV Qualifying	Pahang
13	Jun	16	AEV Qualifying	Sarawak
14	Sept	7-9	Peringkat Kebangsaan AEV / ASV 2012	Pusat Sains Negara

*Tempat pertandingan akan diumumkan pada 17 Februari 2012.

*Hanya 8 pasukan terbaik (Tempat 1 – 8) akan mewakili negeri dalam peringkat kebangsaan.



KERTAS KONSEP

PELAKSANAAN PROGRAM

BENGKEL ROBOTIK
MALAYSIA – BELIA – IROBOT
2012

- Nama Program** : Bengkel Robotik "1 Malaysia 1 Belia 1 Robot" Peringkat Negeri Tahun 2012
- Pengenalan** : *1Malaysia 1Belia 1Robot* merupakan satu bengkel robotik yang dirancang khas untuk golongan belia khususnya murid-murid yang berminat terhadap bidang robotik. Bengkel ini menekankan konsep aktiviti "hands-on" di mana murid-murid akan membina robot mereka secara praktikal di samping mengaplikasikan ilmu pengetahuan mereka yang dipelajari melalui sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Murid-murid akan didedahkan kepada 10 jenis projek yang meliputi aspek asas elektrik, elektronik dan mekanikal. Untuk meluaskan lagi minat murid-murid dalam bidang robotik, satu pertandingan robotik akan dianjurkan pada penghujung sesi persekolahan tahun 2012 yang berunsurkan konsep sukan robotik.
- Anjuran** : Myrobotz Enterprise (001785586-H)
No. 1B, Jalan USJ 21/11, 47630 UEP Subang Jaya, Selangor.
Tel/Fax: 603 – 8025 1987 Emel: info@myrobotz.com.my
- Kelulusan Daripada** : Kementerian Pelajaran Malaysia (MOE)
- Sokongan Daripada** : Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Objektif Program** :
- Memberi sokongan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah khususnya matapelajaran sains, rekacipta dan fizik.
 - Mewujudkan satu konsep "Open Hardware Platform" di mana murid-murid boleh mengembangkan kreativiti dengan mengubahsuai bentuk dan sistem robotik secara terbuka tanpa terikat pada sesetengah jenama produk dalam membina robot.
 - Menggilap minat murid-murid ke arah bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.
 - Mencetus budaya rekacipta dan inovasi berunsurkan robotik di peringkat sekolah.
 - Meningkatkan kefahaman terhadap kemahiran proses sains, kemahiran manipulatif dan konsep sains dan teknologi di kalangan murid-murid.
 - Memupuk semangat kerjasama dan berpasukan di kalangan murid-murid.
- Tarikh Pelaksanaan** : Fasa Pertama : 1 Julai 2012 – 31 Oktober 2012
- Program ini hanya akan dijalankan pada hari Sabtu.
- Tempat Pelaksanaan** :
- Sekolah-sekolah rendah dan menengah
 - Pihak penganjur akan melaksanakan program ini di sekolah-sekolah yang berminat untuk menjadi tuan rumah terutamanya sekolah luar Bandar.

- Tempoh Bengkel** : 3 Jam (9:00 pagi – 12:00 tgh)
- Pengenalan kepada robotik - 30 minit
 - Sesi projek "Hands-on" - 2 jam
 - Sesi percubaan & soal jawab - 30 minit
- Umur Peserta** : 10 tahun dan ke atas
- Yuran Pendaftaran** : RM 200.00 bagi satu pasukan:
- Terdiri daripada 2 orang murid & 1 orang guru pengiring
 - 1 set kit robotik "MyAndroidz 10 in 1"
 - Makan & Minum peserta
- Kit Robotik** :
- Nama Produk* : MyAndroidz (10 in 1) Beginner Kit
Dibuat/Diedar : Myrobotz Enterprise
Buatan : Malaysia
Harga Jualan : RM 150.00
- Jenis Bengkel (6 Bengkel)** :
- *Electric & Electronics Workshop*
 - o *Simple LED circuit* (Workshop 1)
 - o *Simple LED circuit with button* (Workshop 2)
 - o *1 Blinking LED circuit* (Workshop 3)
 - o *2 Blinking LED circuit* (Workshop 4)
 - *Robotics Workshop*
 - o *Robot Assembly* (Workshop 5)
 - o *Line Follower Robot* (Workshop 6)
 - o *Wall Follower Robot* (Workshop 7)
 - o *Edge Detector Robot* (Workshop 8)
 - o *Tethered Control Robot (Wired control)* (Workshop 9)
 - o *Object Avoidance Robot* (Workshop 10)
- Tenaga Pengajar** : Pihak penganjur akan menyediakan jurulatih dan fasilitator untuk menjalankan setiap bengkel robotik.
- Syarat-syarat Penyertaan Program 1M-1B-1R** : Bagi sekolah-sekolah yang berminat untuk menyertai program bengkel robotik *IMalaysia 1Belia 1Robot*, berikut merupakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi:-
- Minimum pasukan yang menyertai adalah 1 pasukan yang terdiri daripada:
 - o 2 orang murid & 1 orang guru
 - o Bayaran (tunai/cek) hendaklah dibayar sebelum tarikh tutup penyertaan.
- Borang Permohonan** : Pendaftaran boleh dibuat secara *online* di Imygamez.blogspot.com
- Sijil Penyertaan** : Murid-murid yang mengikuti bengkel robotik akan menerima sijil penyertaan sebagai galakkan kepada mereka dalam usaha menceburi bidang robotik.

Jadual Bengkel Robotik Peringkat Negeri Tahun 2012

1Malaysia – 1Belia – 1Robot


No.	Bulan	Tarikh	Program	Negeri/Wilayah
1	Jun	23	Bengkel Robotik	Selangor, WP. Kuala Lumpur WP. Putrajaya
2		30	Bengkel Robotik	N.Sembilan
3	Julai	7	Bengkel Robotik	Melaka
4		14	Bengkel Robotik	Johor
5		28	Bengkel Robotik	Perak
6	Ogos	4	Bengkel Robotik	Kedah
7		11	Bengkel Robotik	Kelantan
8	September	15	Bengkel Robotik	Perlis
9		22	Bengkel Robotik	P.Pinang
10		29	Bengkel Robotik	Terengganu
11	Oktober	6	Bengkel Robotik	Sabah WP. Labuan
12		13	Bengkel Robotik	Pahang
13		20	Bengkel Robotik	Sarawak
14	November	3	Malaysia Robotics Gamez (MyGamez) Line Follower Robot Competition	Pusat Sains Negara

*Tempat bengkel akan diumumkan pada 4 Mei 2012.

MALAYSIA SOLAR COMPETITION 2012

AMPHIBIOUS ELECTRIC VEHICLE COMPETITION

STATE LEVEL SCHOOL CATEGORY QUALIFYING ROUND




MOSTI

About 1 M.S.C


Malaysia Solar Competition 2012

The Malaysia Solar Competition 2012 will be held in the competition held on 11-13 Nov 2011. This year, Myrobotz handles Amphibious Electric Vehicle & Amphibious Solar Vehicle competitions offer students an opportunity to learn by means of a friendly competition against their peers. Where students take responsibility for the design, construction and performance of an electric and solar powered vehicle that will finish a race within the shortest time. Using any other materials, competitors will design and build a electric or solar powered vehicle that will race on both water and land. With a number of different elements, the winner of the competition will be the team whose vehicle is the top finisher in a series of head to head elimination rounds.

For more info, visit
<http://myrobotz.blogspot.com>



Myrobotz Enterprise © 2012
www.myrobotz.com.my




Amphibious Electric / Solar Vehicle



Registration Fees	RM 100.00/team • 1 unit of Amphibious Electric Kit	RM 50.00/team • Without Kit
-------------------	---	--------------------------------


*Registration Closing Date: Kindly refer to 1mysolar.blogspot.com

Malaysia Solar Competition 2011




Officiated by:
 Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam
 Chief Minister of Melaka
 15 July 2011


Sabah Edition



Officiated by:
 Y.B. Dato' Dr. Hou Kok Chung
 Deputy Minister of Higher Education
 12 November 2011



Melaka Edition



Johor Edition

